**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**14 Sep2021 (Tuesday)**

**Berita Harian**
Pelaburan asing melonjak 223.1 peratus 1

**Utusan Malaysia**
FDI separuh pertama negara melonjak 223.1 peratus 2
Air Selangor sambut ulang tahun kedua 3

**Harian Metro**
BUKIT TABUR BOTAK 4
Air Selangor bantu B40 terkesan Covid-19 5

**Kosmo**
Penolong Jurutera JKR terima rasuah didenda RM1,000 6
Lonjakan FDI signal keyakinan 7
Kompleks AHK di Bukit Cerakah telan belanja RM20 juta 8
Kurang kreatif punca Selangor tersembam 9

**Sinar Harian**
Budak jatuh bangunan tinjau ditidurkan 10
Kelulusan tinggi FDI, tanda keyakinan pelabur asing 11

**Selangor TV**
Majikan Perlu Wajibkan Pekerja Ambil Vaksin - Exco 12
Selvax Bergerak Dun Batu tiga Sedia 300 Dos Vaksin 13
Vaksinasi Bergerak Dun Tanjung Sepat Sasar 550 Penerima 14

**The Star**
FEEDBACK NEEDED 15
LIBRARIES REOPEN 16
More join in protest against carpark project in Klang 17
Malaysia's approved FDI leaps 223% in H1 18

**China Press**
MBSJ cooperate with Jabatan Perumahan Negara conduct audit operations in HDB flats 19
MPKL hold virtual run to celebreate upgraded to city 1st anniversary 20

**Sin Chew Daily**
Diong Shu Hui : MDHS allocated RM20k; Road to SJKC Serendah paved 21

**Nanyang Siang Pau**
Taman Berkeley residents protect the green lung area and oppose the transformation of the meadow into a car park or football pitch 22

**Guang Ming Daily**
Opposition playground build car park; Taman Berkeley resident submits memo. 23

**Makkal Osai**
Summonses issued to seven restaurants for not complying to SOP 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>14 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Pelaburan asing melonjak 223.1 peratus |
| Muka Surat | : | 36 |

# Pelaburan asing melonjak 223.1 peratus



## Pencapaian bukti keyakinan terhadap kestabilan negara, persekitaran perniagaan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

**Malaysia** mencatat peningkatan tinggi dalam pelaburan langsung asing (FDI) apabila melonjak 223.1 peratus pada separuh pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pencapaian memberangsangkan itu mencerminkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan negara, selain persekitaran ekonomi dan perniagaan yang kondusif.

Justeru, katanya, perangkaan positif yang dicatatkan itu sejajar matlamat Malaysia ke arah usaha pemulihan ekonomi yang lestari dan maju.

"Pencapaian membanggakan ini juga mencerminkan keberkesanan strategi Malaysia bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan dan hab rantaian bekalan untuk rantau ASEAN, khususnya sektor pengeluaran yang melakar keputusan positif.

"FDI memacu prestasi kukuh dan bertenaga sektor pembuatan dalam tempoh itu dengan mencatatkan RM58.2 bilion pelaburan diluluskan, sementara baki RM8.7 bilion pelaburan diluluskan dalam sektor ini adalah daripada sumber domestik," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



*Mohamed Azmin Ali*

Dari segi jumlah pelaburan diluluskan, Mohamed Azmin berkata, Malaysia mencatatkan RM107.5 bilion FDI serta pelaburan langsung domestik (DDI) dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama, meningkat 69.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, pelaburan itu tercapai di tengah landskap ekonomi global yang amat mencabar, membabitkan 2,111 projek dan dijangka menjana 44,994 peluang pekerjaan di negara ini.

Katanya, dengan memanfaatkan kemajuan yang positif dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN), penambahbaikan keadaan kesihatan awam secara keseluruhan dan pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat, Malaysia terus menarik pelaburan bernilai tinggi dan berteknologi tinggi, disokong keupayaan serta kebolehan kita dalam menyediakan pekerja berkemahiran tinggi dan bersedia menggunakan teknologi maju untuk nilai tambah industri.

"Sejajar dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), Malaysia melaksanakan lebih banyak projek berintensif modal secara konsisten, selain projek yang menyokong agenda pembangunan negara, sejajar dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Ini dicerminkan oleh peningkatan jumlah projek berintensif modal yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)," katanya.

Selain itu, Mohamed Azmin berkata, wujud keutamaan untuk mencipta peluang pekerjaan pelbagai kemahiran kepada rakyat dengan 367 projek pembuatan diluluskan bernilai RM66.9 bilion pada separuh pertama 2021 yang akan mewujudkan 32,220 peluang pekerjaan membabitkan pelbagai jawatan, sekali gus memacu laluan ke arah pekerjaan bernilai tinggi serta berkemahiran.

Beliau berkata, tenaga kerja diperlukan untuk pelaburan diluluskan itu merangkumi 1,367 jawatan dalam pengurusan dan 4,031 bagi profesional teknikal seperti jurutera dalam bidang elektrik dan elektronik, mekanik, kimia serta bidang lain, mencerminkan peralihan rantaian nilai yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan.

Katanya, projek pembuatan diluluskan turut memerlukan 4,144 pekerja mahir.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, pelaburan domestik menerajui sektor perkhidmatan dan utama berjumlah RM45 bilion atau 41.9 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan dalam tempoh enam bulan.

Beliau berkata, antara projek yang diluluskan separuh pertama tahun ini, termasuk SK Nexilis dari Korea Selatan untuk membina kilang pengeluaran kerajang tembaga baharu, selain Risen Energy dan OCIM.

"Rangkaian projek ini bukan sekadar mampu memacu ekosistem industri di Malaysia, malah meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor berkemahiran tinggi dan memberi manfaat kepada peniaga tempatan dalam segenap nilai rantaian," katanya.

Menuju ke hadapan, Mohamed Azmin berkata, kementeriannya terus melaksanakan pelaburan berkualiti tinggi untuk mewujudkan nilai kepada negara dan rakyat.

Beliau berkata, langkah itu bukan saja untuk mengekalkan pekerjaan, malah mewujudkan pekerjaan bernilai tambah tinggi.

"Kami komited ke arah meletakkan Malaysia sebagai rakan unggul bagi pelabur di rantau ini, menambah baik ekonomi kita yang kompleks dan merangsang pertumbuhan jangka panjang di Malaysia menerusi aliran pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu dan kompleks.

"Dengan trajektori asas ekonomi Malaysia yang kukuh, faktor positif memacu prospek pertumbuhan serta jangkaan permintaan luaran yang lebih utuh terhadap produk kita, kerajaan sangat komited untuk memastikan pemulihan yang mantap dan mampan, pertumbuhan ekonomi saksama serta perkongsian kemakmuran secara bersama bagi Malaysia," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | FDI separuh pertama negara melonjak 223.1 peratus |
| Muka Surat | : | 35 |

# FDI separuh pertama negara melonjak 223.1 peratus

**Oleh NURFARAHIN HUSSIN**
utusanekonomi@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pelaburan langsung asing (FDI) negara melonjak 223.1 peratus pada separuh pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata,pencapaian luar biasa itu membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan negara selain persekitaran ekonomi dan perniagaan yang kondusif.

"Pencapaian membanggakan ini juga mencerminkan keberkesanan strategi Malaysia bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan dan hab rantaian bekalan untuk rantau ASEAN, terutama sektor pengeluaran yang menunjukkan keputusan positif.

"FDI mendorong prestasi kukuh sektor perkilangan dalam tempoh tersebut dengan mencatat pelaburan yang diluluskan sebanyak RM58.2 bilion, manakala



**MOHAMED AZMIN ALI**

RM8.7 bilion lagi daripada sumber domestik," katanya dalam kenyataan.

Menurut Mohamed Azmin, negara mencatat RM107.5 bilion FDI dan pelaburan langsung domestik (DDI) dalam sektor pengeluaran, perkhidmatan dan primer, melonjak 69.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Walaupun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar, beliau memaklumkan Malaysia terus mencatat pertumbuhan luar biasa, sekali gus bakal menyaksikan rantaian pelaburan sedemikian, dengan membabitkan 2,110 projek berupaya menjana 44,994 peluang pekerjaan di negara ini.

"Memanfaatkan kemajuan positif menerusi Pelan Pemulihan Negara (PPN), penambahbaikan situasi kesihatan awam dan pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat, Malaysia terus menarik pelaburan teknologi dan bernilai tinggi.

"Ia disokong kemampuan negara dalam menyediakan pekerja berkemahiran tinggi dan kesediaan penerapan teknologi maju untuk industri nilai tambah," ujarnya.

Mohamed Azmin menjelaskan, sebanyak 367 projek dalam sektor pengeluaran bernilai RM66.9 bilion yang diluluskan pada separuh pertama 2021 akan mewujudkan 32,220 peluang pekerjaan dalam pelbagai jawatan dan peranan.

Ujarnya, ia merangkumi 1,367 jawatan di peringkat pengurusan dan 4,031 tenaga teknikal profesional seperti jurutera dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E), mekanikal, kimia dan lain-lain.

"Projek pengeluaran yang diluluskan juga memerlukan 4,144 buruh mahir. Pelaburan domestik terutama dalam sektor perkhidmatan dan utama berjumlah RM45 bilion atau 41.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

"Antara projek terkenal yang diluluskan dalam tempoh itu adalah SK Nexilis dari Korea Selatan untuk membina kilang pengeluaran kerajang tembaga, selain Risen Energy dan OCIM.

"Rangkaian projek ini bukan sekadar mampu memacu ekosistem industri di Malaysia, tetapi meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor berkemahiran tinggi dan memberi manfaat kepada peniaga tempatan dalam segenap nilai rantaian," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 14 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Air Selangor sambut ulang tahun kedua |
| Muka Surat | : | 42 |




## Air Selangor sambut ulang tahun kedua

PENGURUSAN Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) menyambut ulang tahun kedua semalam setelah beroperasi sebagai pemegang lesen tunggal untuk membekalkan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya semalam.

Dengan tema 'Berkongsi Kegembiraan Bersama', Air Selangor melaksanakan beberapa aktiviti bersama komuniti di bawah program Sesama Mara, khususnya untuk golongan B40 yang amat memerlukan dalam tempoh pandemik Covid-19 di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Di bawah payung Sesama Mara juga, Air Selangor menghulurkan bantuan kepada 262 individu dan keluarga daripada golongan B40. Inisiatif pertama iaitu bantuan makanan asas, *Box of Hope* kepada seramai 222 individu dan keluarga di empat lokasi iaitu di Kampung Ampang Indah, Tmn Mulia Jaya, Persiaran Ampang Saujana serta Kampung Lembah Jaya Selatan.

■ WAKIL Air Selangor (kanan) menghulurkan sumbangan kepada salah seorang penerima dalam golongan B40, semalam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | BUKIT TABUR BOTAK |
| Muka Surat | : | 8 |

FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI & HALIM SALLEH

# BUKIT TABUR BOTAK!

***Penduduk bimbang penerokaan tanah undang malapetaka***



**KEADAAN lereng bukit yang dibuat jalan masuk menuju ke tanah persendirian di Bukit Tabur.**

**Oleh Amir Abd Hamid**
amir_hamid@mediaprima.com.my

**Ampang**

Umpama mengundang malapetaka. Itu kebimbangan kira-kira 15,000 penduduk merangkumi 36 taman perumahan di Kemensah dan Melawati di sini, berhubung isu Bukit Tabur yang ditarah tanpa kelulusan pihak berkuasa.

Pengerusi Jawatankuasa Residensi Kemensah, Mohd Fazil Abdullah berkata, lokasi ditarah yang berkedudukan tinggi berpotensi menjadi bencana kepada penduduk.

"Jika hujan lebat, kita boleh lihat banjir lumpur. Apabila menyaksikan tragedi banjir lumpur di Yan, Kedah, baru-baru ini, kita bimbang berlaku sama di sini.

"Kami kesal terdapat kerja pembangunan tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di atas tanah persendirian Lot 758, Lot 759 mukim Hulu Klang daerah Gombak di kawasan itu," katanya.

Mohd Fazil ditemui ketika membawa wakil media meninjau kawasan tarahan Bukit Tabur yang turut mendapat perhatian Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Menurutnya, penduduk meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga turut campur tangan.

"Sebabnya kita nampak kalau setakat bersihkan kawasan, itu tak mungkin. Ini ada lain cerita di belakangnya.





"Tempat itu adalah sebahagian daripada lokasi rabung kuarza tulen sepanjang 16 kilometer dan seluas 200 meter yang terpanjang di dunia termasuk dalam jajaran itu.

"Sebarang pemotongan tanah secara terbuka akan mengganggu status penyenaraiannya sebagai tapak warisan Unesco (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)," katanya.

Seorang penduduk, Datuk Azlam Shah Alias berkata, kawasan Bukit Tabur adalah lokasi tanah sangat sensitif terletak bersebelahan Bukit Antarabangsa yang diketahui umum berlaku beberapa kali tanah runtuh termasuk tragedi Highlands Tower tumbang.

Menurutnya, sepanjang tinggal kira-kira 20 tahun di Kemensah, terdapat pengaliran air dari bukit.

"Tengok aliran air pun boleh tahu terdapat potongan bukit berdasarkan warna air yang berwarna coklat.

"Sekiranya berlaku tanah runtuh, air sungai yang ada mungkin akan cetek dan akhirnya menyebabkan banjir di kawasan kediaman.

"Kami bukanlah menentang pembangunan. Tetapi, kami mendesak pihak pemilik tanah mesti dapatkan kelulusan daripada kerajaan dan yang pentingnya mesti ada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada badan bebas diiktiraf," katanya.

Menurutnya, lokasi tarahan di Bukit Tabur itu juga terletak kira-kira dua kilometer daripada Empangan Klang Gates yang membekalkan air untuk sebahagian besar warga ibu kota.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati kawasan sekitar lereng Bukit Tabur menjadi tumpuan pengunjung untuk beriadah termasuk pendaki serta penggemar alam semula jadi.

Selain itu, ia turut menjadi lokasi kegemaran peminat sukan ekstrem seperti motosikal lasak (motocross), penunggang kenderaan pelbagai permukaan (ATV) dan kumpulan pacuan empat roda dan berbasikal.

Pengunjung, Muhammad Naqib Hamzah Fansuri, 21, berkata, perbuatan menarah bukit dan hutan tanpa kawalan pastinya akan mengganggu ekosistem.

"Ada haiwan yang sudah tiada habitat semula jadi mungkin akan keluar dan mengganggu kawasan kediaman manusia pula.

"Sejak tular isu Bukit Tabur, baru saya perasan bahagian atasnya sudah diteroka, tahu-tahu sudah botak.

"Ramai naik bukit itu untuk beriadah, jadi hilanglah satu tempat beriadah jika terus diteroka tanpa kawalan," kata pelajar Kolej Professional Mara Beranang itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Air Selangor bantu B40 terkesan Covid-19 |
| Muka Surat | : | 11 |

# Air Selangor bantu B40 terkesan Covid-19

**Shah Alam:** Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) meraikan ulang tahun kedua semalam dengan memberi bantuan makanan serta pembaikan paip dalaman bagi rumah kebajikan serta keluarga B40 di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor, Elina Baseri berkata, Air Selangor terus berbakti kepada masyarakat dengan memperkasakan aktiviti komuniti khususnya dalam meringankan beban golongan memerlukan di sini.

"Bertemakan Berkongsi Kegembiraan Bersama, Air Selangor melaksanakan beberapa aktiviti bersama komuniti di bawah program Sesama Mara, khususnya untuk golongan B40 yang amat memerlukan dalam tempoh pandemik Covid-19 di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Air Selangor juga memberi bantuan kepada 262 individu dan keluarga daripada golongan B40.

"Inisiatif pertama iaitu bantuan makanan asas, *Box of Hope* diberikan kepada seramai 222 individu dan keluarga di empat lokasi iaitu di Kampung Ampang Indah, Taman Mulia Jaya, Persiaran Ampang Saujana serta Kampung Lembah Jaya Selatan," katanya.

Elina berkata, bagi inisiatif kedua pula, Air Selangor akan menanggung 40 kos pembaikan paip dalaman bagi rumah kebajikan serta keluarga B40.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Penolong Jurutera JKR terima rasuah didenda RM1,000 |
| Muka Surat | : | 8 |

# Penolong Jurutera JKR terima rasuah didenda RM1,000

**SEREMBAN** – Seorang Penolong Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya (JKR) didenda RM1,000 kerana menerima rasuah RM5,000 bagi pembinaan sebuah dewan badminton Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau di sini lapan tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen, Madihah Harullah menjatuhi hukuman itu selepas tertuduh, Abdul Halim Abdullah, 45, mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya semalam.

Mahkamah sebelum itu membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali untuk mengguna pakai *Take Into Consideration* (TIC) bagi tiga lagi pertuduhan yang disabitkan ke atas tertuduh.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda dan Abdul Halim membayar denda tersebut.

Lelaki itu ketika kejadian bertugas sebagai Juruteknik JKR Gred J17 didakwa menerima suapan RM5,000 daripada Abu Azman Yaacob, wakil sebuah syarikat pembinaan sejak Februari hingga Mei 2013 secara berperingkat melalui empat transaksi secara dalam talian.

Wang itu sebagai balasan bagi mempercepatkan urusan memperakukan kerja-kerja yang dijalankan Qudhrat Engineering Construction (QEC), kontraktor yang dilantik bagi projek pembinaan dewan badminton di SMK Rantau bernilai RM2.18 juta.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Kuala Klawang, Jelebu dekat sini pada 8 Februari hingga 7 Mei 2013.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan Abdul Halim dihadapkan ke mahkamah sama atas empat pertuduhan menerima rasuah RM5,000 pada 16 Disember 2020.



**ABDUL HALIM menutup muka ketika dibawa untuk dituduh di Mahkamah Sesyen Seremban pada 16 Disember 2020.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Lonjakan FDI signal keyakinan |
| Muka Surat | : | 37 |

# Lonjakan FDI signal keyakinan

**PETALING JAYA** – Pelaburan langsung asing (FDI) negara melonjak sebanyak 223.1 peratus pada separuh tahun pertama 2021 berbanding tempoh sama tahun lalu, mencerminkan keyakinan pelabur asing kepada ekosistem perniagaan dan iklim ekonomi negara yang stabil serta kondusif.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, FDI memacu prestasi kukuh sektor pembuatan dengan merekodkan pelaburan diluluskan berjumlah RM58.2 bilion, manakala sumber domestik menyumbang RM8.7 bilion.

Pelaburan domestik pula mendahului dalam sektor perkhidmatan dan primer dengan jumlah RM45 bilion, mewakili 41.9 peratus daripada keseluruhan pelaburan diluluskan.

"Dari segi jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan, Malaysia merekodkan FDI dan pelaburan langsung domestik (DDI) berjumlah RM107.5 bilion dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan primer, pertumbuhan 69.8 peratus berbanding tahun lalu.

"Pelaburan melibatkan 2,110 projek itu dijangka mencipta 44,994 peluang pekerjaan di negara ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.



**EKOSISTEM perniagaan yang stabil serta kondusif, selain penawaran tenaga buruh berkemahiran dilihat antara daya tarik negara untuk pelaburan berteknologi dan bernilai tinggi.** – GAMBAR HIASAN

Menurut Azmin, prestasi kukuh itu memperlihatkan keberkesanan strategi Malaysia dalam memposisikan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan pilihan dan hab rantaian pembekalan di rantau ASEAN, terutamanya bagi operasi pembuatan.

Tambahnya, selari dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), Malaysia akan terus menarik projek bermodal tinggi, menyokong agenda pembangunan negara serta konsisten dengan matlamat alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Pada masa sama, terdapat penekanan untuk mencipta pekerjaan untuk rakyat.

"Dalam hal ini, 367 projek pembuatan yang diluluskan dalam enam bulan pertama tahun ini akan mencipta 32,220 peluang pekerjaan dalam pelbagai peranan, manakala tenaga kerja yang diperlukan untuk pelaburan yang diluluskan termasuk 1,367 pengurus dan 4,031 golongan profesional seperti jurutera," katanya.

Antara projek utama yang diluluskan dalam separuh tahun pertama 2021 termasuk kilang pembuatan foil tembaga baharu oleh SK Nexilis, cadangan projek menghasilkan produk teknologi solar oleh Risen Energy dan cadangan pelaburan oleh OSIM untuk mengembangkan kapasiti kilang *polysilicon* gred solar.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kompleks AHK di Bukit Cerakah telan belanja RM20 juta |
| Muka Surat | : | 38 |

# Kompleks AHK di Bukit Cerakah telan belanja RM20 juta

**PETALING JAYA** – Badan korporat disaran tampil untuk membantu Yayasan Sabha bagi pembangunan projek Kompleks Anjung Husnul Khatimah (AHK) yang bakal dibangunkan Bukit Cerakah, Shah Alam.

Projek pembinaan pusat pengajian Islam yang menggabungkan pembelajaran teori dan praktis itu bakal menelan kos pembinaan sehingga lebih daripada RM20 juta.

Pengasas Yayasan Sabha, Datuk Dr. Hasan Mohamed Ali berkata, kompleks yang dijangka siap menjelang tahun 2023 itu menyediakan modul pembelajaran yang memberi penekanan terhadap amal ibadat bagi umat Islam tanpa mengira pangkat, kerjaya dan latar belakang.

Ini bermakna, ruang dan peluang terbuka luas untuk golongan fakir miskin, anak yatim dan ibu tunggal untuk mendapat manfaat daripada pengajian Islam secara percuma.



HASAN

"Kami mengharapkan penyertaan lebih ramai umat Islam bagi bersama-sama membantu membangunkan AHK sebagai satu kewajipan kita beribadah dan bersedekah," katanya dalam sidang akhbar secara maya baru-baru ini.



**ILUSTRASI Kompleks AHK yang menawarkan pengajian bukan sekadar buat golongan muda, malah kumpulan berusia 40 tahun ke atas.**

AHK yang diwaqafkan atas nama Majlis Agama Islam Selangor itu akan menempatkan pusat Islam, bilik penginapan, auditorium, bilik kuliah, bilik rawatan, gimnasium, kios, ruang rehat dan ruang tamu serta dewan makan.

"Struktur bangunan dan kemudahan yang bakal disediakan di kompleks berkenaan bertaraf tiga bintang," jelas Hasan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kurang kreatif punca Selangor tersembam |
| Muka Surat | : | 47 |

# Kurang kreatif punca Selangor tersembam

KEHILANGAN beberapa tonggak utama di bahagian tengah menjadi punca Selangor FC tewas 1-2 kepada PJ City pada aksi terakhir Liga Super yang berlangsung di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) malam kelmarin.

Ketua jurulatih Selangor, Karsten Neitzel menjelaskan, ketiadaan pemain-pemain seperti Oliver Buff, Muhammad Mukhairi Ajmal dan Brendan Gan menyebabkan skuad kendaliannya itu ketandusan idea untuk mencipta peluang jaringan.

Justeru, beliau mengakui kecewa dengan kekalahan itu memandangkan Gergasi Merah menampilkan aksi cukup cemerlang sebelum ini apabila tidak pernah tewas dalam enam perlawanan terdahulu.

"Satu keputusan yang cukup sukar untuk Selangor dan tahniah kepada PJ City atas kemenangan. Memang kecewa kerana kami cukup komited untuk tamatkan saingan di kedudukan keempat selain mahu memenangi perlawanan terakhir liga.

"Saya harus akui kreativiti agak kurang pada bahagian tengah kerana hilang ramai pemain penting seperti Buff dan Ajmal. Bagaimanapun, saya tidak mahu salahkan mana-mana pemain," kata pengendali dari Jerman itu.

Justeru, beliau berharap pemain-pemain utama yang masih dibelenggu kecederaan akan segera pulih bagi membolehkan mereka membuat persediaan rapi menjelang saingan Piala Malaysia yang dijadualkan bermula hujung bulan ini.

"Selepas ini, ramai pemain akan kembali untuk saingan Piala Malaysia, jadi kita tunggu dan lihat nanti. Sasaran kita adalah untuk cuba memenangi perlawanan dan mara sejauh mungkin dalam Piala Malaysia nanti," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>14 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Budak jatuh bangunan tinjau ditidurkan |
| Muka Surat | : | 24 |

# Budak jatuh bangunan tinjau ditidurkan

Mangsa dipercayai terjatuh dari aras dua bangunan tinjau di Taman Rekreasi Wetland Setia Alam akibat lantai kayu patah

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Kanak-kanak berusia 22 bulan yang mengalami pendarahan dalaman pada otak selepas terjatuh dari bangunan tinjau di Taman Rekreasi Wetland Setia Alam kini ditidurkan.

Ibu saudaranya, Huda Mahmud, 42, memaklumkan, Zaid Harith ditidurkan sepenuhnya untuk mengelakkan bahagian sensitif itu mengalami kecederaan lebih serius.

"Zaid ditidurkan sepenuhnya untuk elak *second brain injury*. (Masa jatuh semalam *first brain injury*. *Second brain injury* adalah apa-apa *injury* selepas jatuh yang disebabkan oleh faktor lain.

